

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

Budget 2025 Shows Positive Steps In Fiscal Responsibility and Governance, But The Narrow Revenue Base Still Needs Attention

Kuala Lumpur, 19 October 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes the government's third MADANI budget (Budget 2025), which shows a concerted effort to promote equitable growth, responsible fiscal management, and sustainable development while addressing key socio-economic challenges. IDEAS calls for attention towards the implementation and evaluation of the key initiatives to ensure the budget's intended outcomes are met, particularly in fiscal consolidation efforts and governance reforms.

Fiscal Responsibility and Consolidation

The government's continued effort towards fiscal consolidation is reasonable. The reduction of the fiscal deficit from 5% in 2023 to 4.3% in 2024 and a further projected 3.8% in 2025 reflects a serious effort toward reducing Malaysia's debt burden. The Public Finance and Fiscal Responsibility Act (PFFRA) will serve as a critical framework to guide prudent fiscal policy, which IDEAS supports. However, we are concerned about the increasing debt burden, as the debt service charges are projected to increase by 7.7%, reaching RM54.7 billion. As a result, we are spending more to service our debt, from 15.8% of the operating expenditure currently (2024) to a projected 16.3% in 2025.

We stress that further reforms are needed to address Malaysia's low tax revenue-to-GDP ratio, which, at a projected 12.4% in 2025, remains lower than upper middle-income countries of 18.8%. This is also a small increment from 12.3% in 2024 and lower than 12.6% in 2023. The government's cautious approach to revenue generation has resulted in relatively minor tax measures, such as the expansion of the sales and services tax to include non-essential items (that were previously exempted) and a 2% dividend tax for individual shareholders with annual dividend income exceeding RM100,000. While these changes are steps in the right direction, they are unlikely to boost government revenue significantly. While the deficit level is projected to decrease from 4.3% to 3.8% of GDP, the midterm fiscal framework sets a soft target of an average 3.5% deficit from 2025 to 2027 – to some distance from the below 3% target set in the PFFRA.

"Given our strong economic performance, with a GDP growth rate of 5.9% in Q2 2024, low inflation, robust wage growth, and a low unemployment rate, this is an ideal time for the government to implement broader revenue-raising measures or substantially reduce subsidies. The minor tax adjustments and modest subsidy rationalisation represent a missed opportunity and raise concerns about the government's ability to achieve its PFFRA-mandated fiscal targets," said Aira Azhari, Acting CEO of IDEAS.

Business and Trade

The reframing of incentive measures through the New Investment Incentive Framework aligns with policy shifts toward high value-added sectors like IC design and advanced technology. Measures to encourage private institutions to equip students with future job market skills are commendable, but a feedback loop with the industry is essential to ensure course relevance.

Budget 2025 also emphasises equalising regional development disparities with the formation of state-level economic clusters and tax incentives for six less developed states. Additional efforts to promote local supply chain linkages, improve industrial parks, and strengthen the Johor-Singapore Special Economic Zone (JSSEZ) will further support this goal. For the JSSEZ, the allocations for incentives and the facilitation centre can help both countries assist companies in expanding operations and addressing challenges like skilled talent shortages and bureaucratic hurdles.

With MSME exports in Malaysia standing at just 12.2% in 2023—well below the RMK-12 target of 25% for 2025—there is a need to enhance export opportunities for MSMEs. Recognising that a firm's size significantly impacts its internationalisation potential, the targeted allocation of RM1 billion under the Mid-Tier Companies Programme would help bridge this gap by specifically supporting companies that have the capacity and resources to export. However, implementation is key to ensuring a high uptake and utilisation rate of these funds. It is essential to accurately identify eligible firms using existing tools to pinpoint those best positioned to successfully export and fully benefit from this program. Evaluating current gaps in utilisation—such as reducing processing barriers and addressing a lack of awareness—will be important to maximise the effectiveness of this initiative.

Climate Change and Sustainability

We welcome the proposal to pilot carbon pricing in the iron and steel industry, as these sectors are challenging to decarbonise and will be affected by the upcoming EU Carbon Border Adjustment Mechanism (CBAM). With the EU being a major trading partner for Malaysia and significant export flows tied to machinery and industrial sectors, the urgency is heightened as Malaysia is projected to triple its steel production capacity and quadruple GHG (Greenhouse Gas) emissions from this sector by 2030.

Implementing this pilot carbon pricing mechanism would incentivise industries to decarbonise, supporting Malaysia's goals of reducing carbon intensity by 45% by 2030 and achieving net-zero emissions by 2050. It allows Malaysia to test its approach in steel and other high-emission industries, ensuring compliance with local regulations and international trade demands while addressing the challenges of carbon taxation.

Additionally, the 2025 Budget increases funding for Ecological Fiscal Transfers (EFTs) by 25%, from RM200 million to RM250 million, with half of the allocation contingent on the performance of state government expenditures. This incentivises states to preserve natural habitats while moving away from reliance on revenue from mining and logging. In the long term, we also advocate for a review of revenue sharing between the federal and state governments to promote sustainable land use policies.

Governance and Democracy

The governance agenda is a priority in Budget 2025. We commend the government's plans to reform statutory body governance and merge overlapping entities, such as the Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) with the Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) and the Malaysian Investment Development Authority (MIDA) with InvestKL, to enhance public service delivery.

Successful institutional mergers require strong political will, so the newly formed coordinating office (Pejabat Penyelaras Badan Berkanun Persekutuan) needs a solid mandate for these reforms. Transparency is also vital, and we urge the government to keep Parliament and the public informed throughout this process.

Budget 2025 increases funding for oversight activities, with the National Audit Department's budget rising by 10.2% from RM 167 million to RM 184 million. Furthermore, the Parliament's allocation increased by 7.3%, from RM 166 million to RM 180 million, strengthening the Public Accounts Committees and Parliamentary Special Select Committees. This funding could support expert advice, research and reporting, and public consultations necessary for effective oversight. However, we urge the government to expedite the reinstatement of the Parliamentary Services Act (PSA) to grant Parliament greater institutional, administrative, and financial autonomy from the Executive branch.

Conclusion

Overall, Budget 2025 presents positive steps toward fiscal discipline and governance reform, but its success will depend on the government's ability to deliver on these commitments with urgency and transparency. Ensuring true institutional independence for Parliament remains a key concern, particularly in strengthening its oversight functions.

"While Budget 2025 sets the right direction, the real challenge lies in ensuring that our revenue base is widened, especially considering the low tax revenue-to-GDP ratio. It is important to remember that the amount of money needed to provide for the people's basic needs is significant, and there will be a time when the government will need to introduce new taxes to sustain its spending," added Aira.

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Belanjawan 2025 Tunjukkan Langkah Positif dalam Tanggungjawab Fiskal dan Tadbir Urus, namun Asas Hasil yang Sempit Masih Perlukan Perhatian

Kuala Lumpur, 19 October 2024: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan Belanjawan MADANI ketiga (Belanjawan 2025) kerajaan, menunjukkan usaha terarah untuk mempromosikan pertumbuhan seimbang, pengurusan fiskal yang bertanggungjawab, dan pembangunan mampan sambil menangani cabaran sosioekonomi utama. IDEAS menekankan kepentingan pelaksanaan dan penilaian inisiatif utama untuk memastikan hasil belanjawan ini dicapai, khususnya dalam usaha pengukuhan fiskal dan reformasi tadbir urus.

Tanggungjawab dan Pengukuhan Fiskal

Usaha berterusan kerajaan dalam pengukuhan fiskal adalah sesuatu yang wajar. Pengurangan defisit fiskal daripada 5% pada 2023 kepada 4.3% pada 2024 dan unjuran 3.8% pada 2025 menggambarkan komitmen serius untuk mengurangkan beban hutang negara. Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (PFFRA) akan menjadi rangka kerja penting bagi memandu dasar fiskal yang berhemat, sesuatu yang disokong oleh IDEAS. Namun, kami bimbang dengan peningkatan kos perkhidmatan hutang, yang dijangka meningkat sebanyak 7.7% kepada RM54.7 bilion. Perbelanjaan untuk perkhidmatan hutang kini meningkat daripada 15.8% (2024) kepada 16.3% daripada perbelanjaan operasi pada 2025.

Kami menekankan bahawa reformasi lanjut diperlukan untuk menangani nisbah hasil cukai kepada KDNK Malaysia yang rendah, iaitu diunjurkan pada 12.4% pada 2025, jauh lebih rendah berbanding purata 18.8% bagi negara berpendapatan sederhana tinggi. Hal ini hanya peningkatan kecil daripada 12.3% pada 2024 dan lebih rendah daripada 12.6% pada 2023. Pendekatan berhati-hati kerajaan dalam meningkatkan hasil telah menghasilkan langkah cukai yang agak kecil, seperti peluasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) kepada barangan tidak penting yang sebelum ini dikecualikan, serta pengenalan cukai dividen sebanyak 2% bagi pemegang saham individu dengan pendapatan dividen tahunan melebihi RM100,000. Walaupun perubahan ini adalah langkah ke arah yang betul, ia dijangka tidak akan meningkatkan hasil kerajaan dengan ketara. Meskipun tahap defisit diunjurkan berkurang daripada 4.3% kepada 3.8% daripada KDNK, rangka kerja fiskal jangka sederhana menetapkan sasaran sederhana dengan purata defisit 3.5% bermula 2025 hingga 2027 - masih jauh daripada sasaran di bawah 3% seperti yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal.

“Kita berada dalam kedudukan ekonomi yang kukuh, dengan pertumbuhan KDNK 5.9% pada suku kedua 2024, inflasi rendah, dan kadar pengangguran yang rendah. Ini adalah masa yang sesuai untuk melaksanakan langkah lebih menyeluruh bagi meningkatkan hasil atau mengurangkan subsidi secara signifikan. Namun, pelarasan cukai yang kecil dan rasionalisasi subsidi yang sederhana merupakan satu kesempatan yang dipersiapkan dan menimbulkan kebimbangan terhadap keupayaan kerajaan untuk mencapai sasaran fiskal yang diwajibkan di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal,” kata Aira Azhari, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

Perniagaan dan Perdagangan

Perangkaan semula langkah insentif melalui Kerangka Insentif Pelaburan Baharu selaras dengan peralihan dasar terhadap sektor bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu (IC) dan teknologi canggih. Langkah untuk menggalakkan institusi swasta dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran pasaran masa depan amat dialu-alukan, namun memerlukan maklum balas berterusan daripada industri untuk memastikan kursus ditawarkan sentiasa relevan.

Belanjawan ini turut memberi penekanan kepada usaha mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan wilayah melalui pembentukan kluster ekonomi peringkat negeri dan insentif cukai bagi enam negeri yang kurang membangun. Usaha tambahan untuk mempromosi jalinan rangkaian bekalan tempatan, menambah baik kawasan perindustrian, dan memperkukuh Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JSSEZ) akan menyokong matlamat ini. Bagi JSSEZ, peruntukan untuk insentif dan pusat pemudah cara dapat membantu kedua-dua negara menyokong syarikat dalam mengembangkan operasi serta menangani cabaran seperti kekurangan tenaga mahir dan halangan birokrasi.

Dengan eksport perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia hanya mencapai 12.2% pada 2023—jauh di bawah sasaran 25% dalam RMK-12 bagi 2025—terdapat keperluan untuk meningkatkan peluang eksport bagi PMKS. Menyedari bahawa saiz syarikat memberi kesan besar terhadap potensi pengantarabangsaaan, peruntukan sasaran sebanyak RM1 bilion di bawah Program Syarikat Mid-Tier dapat merapatkan jurang ini dengan menyokong syarikat yang mempunyai kapasiti dan sumber untuk mengeksport. Namun, pelaksanaan yang berkesan adalah kunci bagi memastikan kadar penerimaan dan penggunaan dana ini tinggi. Penting untuk mengenal pasti syarikat yang layak secara tepat menggunakan alat sedia ada bagi mengenal pasti firma yang paling berpotensi untuk berjaya dalam eksport dan mendapat manfaat sepenuhnya daripada program ini. Menilai jurang dalam penggunaan semasa—seperti mengurangkan halangan pemprosesan dan menangani kekurangan kesedaran—akan menjadi langkah penting untuk memaksimumkan keberkesanan inisiatif ini.

Perubahan Iklim dan Kelestarian

Kami menyambut baik cadangan untuk melaksanakan perintis harga karbon dalam industri besi dan keluli, memandangkan sektor ini sukar untuk dinyahkarbonkan dan akan terkesan dengan Mekanisme Penyesuaian Sempadan Karbon (CBAM) Kesatuan Eropah (EU). Memandangkan EU adalah rakan dagangan utama Malaysia dan aliran eksport yang signifikan tertumpu pada sektor jentera dan industri, langkah ini menjadi kritikal kerana pengeluaran keluli dijangka meningkat tiga kali ganda dan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sektor ini dijangka meningkat empat kali ganda menjelang 2030.

Pelaksanaan mekanisme ini akan memberi insentif kepada industri untuk mengurangkan karbon, menyokong matlamat Malaysia untuk mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45% menjelang 2030 dan mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Ia membolehkan Malaysia menguji pendekatannya dalam sektor keluli dan industri pelepasan karbon tinggi yang lain, sambil memastikan pematuhan terhadap peraturan tempatan dan tuntutan perdagangan antarabangsa, serta menangani cabaran pencukaian karbon.

Selain itu, Belanjawan 2025 meningkatkan peruntukan untuk Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) sebanyak 25%, daripada RM200 juta kepada RM250 juta, dengan separuh daripada peruntukan tersebut bergantung kepada prestasi perbelanjaan kerajaan negeri. Hal ini memberi insentif kepada negeri untuk memelihara habitat semula jadi sambil mengurangkan kebergantungan kepada hasil daripada perlombongan dan pembalakan.

Dalam jangka panjang, kami juga mendokong kajian semula mengenai pembahagian hasil antara kerajaan persekutuan dan negeri bagi mempromosikan dasar penggunaan tanah yang mampan.

Tadbir Urus dan Demokrasi

Belanjawan 2025 memberi keutamaan terhadap agenda tadbir urus. Kami memuji langkah kerajaan untuk pembaharuan tadbir urus badan berkanun dan menggabungkan entiti bertindih seperti Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan InvestKL, demi menambah baik pelaksanaan perkhidmatan awam.

Namun, kejayaan penggabungan institusi ini memerlukan keazaman politik yang kuat. Pejabat Penyelaras Badan Berkanun Persekutuan memerlukan mandat kukuh bagi merealisasikan pembaharuan ini. Ketelusan juga sangat penting, dan kami menggesa kerajaan untuk memastikan Parlimen dan orang awam dimaklumkan sepanjang proses ini.

Belanjawan ini juga meningkatkan peruntukan bagi aktiviti pemantauan, termasuk peningkatan peruntukan Jabatan Audit Negara sebanyak 10.2% daripada RM167 juta kepada RM184 juta dan peningkatan peruntukan Parlimen sebanyak 7.3% daripada RM166 juta kepada RM180 juta. Langkah ini akan memperkukuh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK). Peruntukan ini boleh menyokong nasihat pakar, penyelidikan dan pelaporan, serta perundingan awam yang diperlukan untuk pemantauan yang berkesan. Kami menggesa kerajaan mempercepat pengembalian semula Akta Perkhidmatan Parlimen bagi memastikan peningkatan autonomi institusi, pentadbiran dan kewangan Parlimen daripada cabang Eksekutif.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, Belanjawan 2025 menunjukkan langkah positif ke arah disiplin fiskal dan reformasi tadbir urus. Namun, kejayaannya bergantung pada keupayaan kerajaan melaksanakan komitmen ini dengan segera dan telus. Memastikan kebebasan institusi yang sebenar untuk Parlimen kekal sebagai satu keprihatinan utama, terutamanya dalam memperkukuh fungsi pemantauannya.

"Walaupun Belanjawan 2025 menetapkan hala tuju yang betul, cabaran sebenar adalah memastikan asas hasil diperluaskan, terutama memandangkan nisbah hasil cukai kepada KDNK yang rendah. Kita perlu ingat bahawa keperluan asas rakyat memerlukan perbelanjaan besar, dan tiba masanya kerajaan perlu memperkenalkan cukai baharu untuk menampung perbelanjaan ini," tambah Aira.

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my